

## Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

---

**From:** Unit Komunikasi Korporat  
**Sent:** Sunday, May 6, 2018 4:36 PM  
**To:** UUM - All Staff; UUM - All Students  
**Subject:** Forum Kripto 1: Asas Dan Isu Kupas Fenomena Mata Wang Digital



**Unit Komunikasi Korporat**  
CORPORATE COMMUNICATION UNIT  
**Universiti Utara Malaysia**

6 MEI 2018 / 20 SYAABAN 1439H

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"  
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Nordiana Shafiee

Gambar oleh: Abdul Halim Husain

### FORUM KRIPTO 1: ASAS DAN ISU KUPAS FENOMENA MATA WANG DIGITAL



**UUM ONLINE:** Apa itu Kripto? Blockchain? Bitcoin? Bersama dua panel khas iaitu Penganalisa Ekonomi, Muhammad Kamaruzaman Ariff dan Jason Chew, Penasihat

Celebrus mengupas asas dan isu tentang fenomena tersebut yang semakin berkembang pesat sejak 10 tahun lalu dalam Forum Kripto 1: Asas dan Isu.

Forum anjuran Pusat Pengajian Ekonomi, Kewangan dan Perbankan (SEFB) itu dikendalikan Pensyarah, Muhammad Ridhuan Bos Abdullah sebagai moderator di Dewan Seminar Pusat Islam, pagi tadi.

Muhammad Kamaruzaman berkata, kripto adalah mata wang digital yang semakin diterima pakai oleh semua orang dalam perdagangan dan contoh mata wang kripto ialah Bitcoin.

Menurutnya, mata wang kripto itu adalah satu perdagangan wang maya yang hanya diketahui penjual dan pembeli yang mana ia membolehkan penggunaanya berurusan terus dengan individu tanpa perlu melalui institusi kewangan.


Bagaimanapun, katanya, penggunaan mata wang kripto itu tetap mempunyai risikonya kepada pengguna untuk mengalami kerugian termasuk menjadi mangsa skim penipuan.

Beliau turut menghuraikan perbezaan antara mata wang maya dan wang elektronik.

Sementara itu, Jason mengupas tentang *blockchain* iaitu satu sistem lejar elektronik awam yang menyimpan database pengguna.

"Data ini meliputi segala aspek termasuk maklumat individu, status kewangan, status kesihatan dan sebagainya.

"Bitcoin adalah matawang digital yang beroperasi dibawah sistem *blockchain*. Matawang digital ini menjadi perantara pengguna dalam melakukan urusan transaksi secara terus dan selamat menerusi sistemnya," katanya.



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.